

Mahkamah akan adili dakwaan rasuah

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan kepada pelabur asing bahawa kegiatan rasuah di negara ini adalah pada tahap minimum dan tidak menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata, jika berlaku kegiatan rasuah secara berleluasa, sudah tentu Malaysia tidak berupaya mencatat kadar pertumbuhan 8.5 peratus sejak tujuh tahun lalu.

Menjawab soalan wartawan *Asia Business News* (ABN) dari Singapura mengenai dakwaan rasuah terhadap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, dalam siaran lintas langsung di Angkasapuri, beliau berkata hanya proses perundangan akan menentukan siapa yang benar.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, beliau menyerahkan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan polis untuk menyiasat dakwaan itu serta menentukan kebenarannya.

"Tidak bermakna adanya dakwaan maka beliau (Rafidah) dan semua pihak berkenaan terabit dalam rasuah. Saya percaya bahawa kita perlu melaksanakan proses keadilan sebelum menentukan sama ada wujudnya rasuah," katanya.